



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ANALISIS KESALAHAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SEKOLAH MENENGAH:
SATU KAJIAN KES**

AHMAD SHAHRIL BIN RAJAIN

FPP 1996 8

**ANALISIS KESALAHAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR-
PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SEKOLAH MENENGAH:
SATU KAJIAN KES**

Oleh

AHMAD SHAHIRIL BIN RAJAIN

**Tesis yang Dikemukakan untuk Memenuhi Sebahagian daripada
Syarat bagi Mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti
Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia**

Jun 1996



PENGIIARGAAN

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya tesis ini berjaya disiapkan. Banyak pihak telah membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Biasiswa dan Bahagian Pendidikan Guru kerana memberikan peluang kepada penulis melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana.

Mereka yang paling banyak memberikan dorongan, bantuan nasihat dan bimbingan yang amat berguna dalam menjayakan tesis ini adalah Jawatankuasa Penyeliaan saya sendiri, iaitu Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood (Pengerusi), Encik Mohd. Zainuddin bin Hashim, dan Encik Kamarudin bin Hj. Husin. Sejak dari mula lagi sehingga tamat tesis ini, mereka tidak jemu-jemu memberikan bantuan dan pandangan, walaupun mereka dalam keadaan kurang sihat. Atas pengorbanan masa dan tenaga yang telah diberikan oleh mereka kepada saya, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan kerana membenarkan penulis menjalankan kajian di SMK Gombak Setia, SMK Banting, SM Maxwell, Kuala Lumpur dan SM Tinggi Setapak, Kuala Lumpur.

Pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar tingkatan enam SMK Gombak Setia, SMK Banting, SM Maxwell, Kuala Lumpur dan SM Tinggi Setapak, Kuala Lumpur.

Lembaga Peperiksaan Malaysia, Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan, dan Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan kerana kerjasama dan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Kepada mereka di bawah ini, pensyarah-pensyarah Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan di IBKL, dan sesiapa sahaja yang tidak dapat saya senaraikan satu persatunya di sini kerana turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, tesis ini tidak akan berjaya sekiranya tanpa pengorbanan daripada isteri tersayang Hajah Arpah bt. M. Salleh, serta anak-anakku, Normazura, Abdul Razak, Haji Abdul Rahman dan Hajah Norasyikin yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan serta mendoakan kejayaan penulis. Inilah kuabadikan:

“Ribuan Terima Kasih”

**Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebijji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.**

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	5
Kepentingan Kajian	13
Objektif Kajian	14
Hipotesis Kajian	15
Pembatasan Kajian	16
Definisi Operasional	19
Kesilapan Bahasa	19
Analisis Kesilapan	21
Bahasa Melayu	22
Tatabahasa	22
II SOROTAN LITERATUR	25
Model-model Teoritis Analisis Kesalahan Bahasa	25
Teori Linguistik Deskriptif	26
Teori Linguistik Struktural	27
Teori Transformasi Generatif	27
Kesalahan Tatabahasa dan Hubungannya dengan Pembolehubah Telahan, Konteks, Proses dan Hasil	30
Pembolehubah Telahan	30
Pembolehubah Konteks	31
Pembolehubah Proses	32
Pembolehubah Hasil	34
Punca Kesalahan Tatabahasa	35
Kajian Kesalahan Tatabahasa	38
Jenis-jenis Kesalahan Tatabahasa	39
Rumusan Sorotan Literatur	41

III METODOLOGI	43
Rekabentuk Kajian	43
Kerangka Teoritis Kajian	43
Pembolehubah Bersandar	44
Pembolehubah Bebas	44
Rancangan Penyelidikan	45
Penentuan Tempat dan Subjek Kajian	45
Subjek Kajian	46
Kaedah Kajian	47
Pembolehubah Jantina	47
Pembolehubah Status Sosioekonomi	48
Pembolehubah Pencapaian SPM BM	48
Instrumentasi	48
Ujian Karangan	49
Soal Selidik	50
Tatacara Kajian	53
Prosedur Mendapat Data	54
Penentuan Kesalahan	54
Jenis-jenis Kesalahan TB Yang Dikaji	55
Cara Menandakan Kesalahan	75
Pemprosesan dan Penganalisisan Data	76
IV INTERPRETASI DATA DAN PERBINCANGAN	
HASIL KAJIAN	78
Analisis Kesalahan TB Secara Keseluruhan	78
Analisis Soal Selidik	78
Contoh-contoh Kesalahan TB Yang Ketara	79
Analisis Kesalahan TB Secara Keseluruhan	79
Analisis Jenis-jenis Kesalahan TB	80
Kesalahan Jenis Frasa	84
Kesalahan Jenis Struktur Ayat	86
Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Lelaki	99
Kesalahan Frasa Kumpulan Pelajar Lelaki	100
Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Lelaki	101
Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Perempuan	102
Kesalahan Frasa Kumpulan Pelajar Perempuan	103
Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Perempuan	104
Perbandingan Kesalahan Kata Menurut Jantina	109
Perbandingan Kesalahan Frasa Menurut Jantina	111
Perbandingan Kesalahan Ayat Menurut Jantina	114
Kesalahan TB Menurut SSE	117
Kesalahan SSE Menurut Jantina	118
Kesalahan Kata Kumpulan SSE Lelaki	119
Kesalahan Frasa Kumpulan SSE Lelaki	120
Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Lelaki	121
Kesalahan Kata Kumpulan SSE Perempuan	122
Kesalahan Frasa Kumpulan SSE Perempuan	123
Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Perempuan	124
Perbandingan Kesalahan Ayat Menurut Kumpulan SSE ..	130

Kesalahan TB Menurut SPM PBM	134
Kumpulan PBM SPM Menurut Jantina	135
Kesalahan Kata Pelajar Lelaki Kumpulan PBM	136
Kesalahan Frasa Pelajar Lelaki Kumpulan PBM	138
Kesalahan Ayat Pelajar Lelaki Kumpulan PBM	140
Kesalahan Kata Pelajar Perempuan Kumpulan PBM	143
Kesalahan Frasa Pelajar Perempuan Kumpulan PBM	144
Kesalahan Ayat Pelajar Perempuan Kumpulan PBM	146
Perbandingan Kesalahan TB Menurut Kumpulan PBM	147
Perbandingan Kesalahan Kata Menurut Kumpulan PBM	151
Perbandingan Kesalahan Ayat Menurut Kumpulan PBM	155
Analisis Soal Selidik	156
Latar Belakang Bahasa dan Penggunaan BM	156
Penggunaan Bahasa	156
Maklumat Pemelajaran BM	157
Pemelajaran BM dan Hubungan dengan Aspek	
Kesalahan TB yang Dikaji	160
Contoh-contoh Kesalahan TB yang Ketara	167
Kesalahan Jenis Kata	168
Kesalahan Penggunaan Imbuhan	168
Kesalahan Penggunaan Kata Depan/Sendi Nama	171
Kesalahan Penggunaan Kata Tugas	175
Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Diri	179
Kesalahan Penggunaan Kata Ganda	182
Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Tunjuk	185
Kesalahan Penggunaan Kata Asing	187
Penentuan Kesalahan Frasa	189
Kesalahan Frasa Kerja Transitif	190
Kesalahan Frasa Kerja Pasif Diri Ketiga	194
Penentuan Kesalahan Frasa Adjektif (F3)	196
Penentuan Kesalahan Frasa Sandi Nama (F4)	199
Penentuan Kesalahan Frasa Nama (F1)	201
Kesalahan Struktur Ayat	203
Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Campuran (A6)	204
Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Keterangan (A5)	207
Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Gabungan (A2)	209
Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Relatif (A3)	212
Kesalahan Struktur Ayat Saduran (A9)	214
Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Komplemen (A4)	216
Kesalahan Struktur Ayat Aktif (A7)	219
Kesalahan Struktur Ayat Pasif (A8)	222
Kesalahan Struktur Ayat Tunggal (A1)	225
V KESIMPULAN DAN CADANGAN	229
Pendahuluan	229
Pernyataan Masalah	229
Kesimpulan	231
Profil Persampelan	232
Kesalahan TB	232

Kesalahan Kata	233
Kesalahan Frasa	234
Kesalahan Ayat	235
Kesalahan TB Menurut Jantina	236
Kesalahan TB Menurut SSE Lelaki dengan Kumpulan SSE Perempuan	237
Kesalahan TB Antara Kumpulan PBM Lelaki dengan Kumpulan PBM Perempuan	240
Cadangan	242
Cadangan-cadangan Untuk Mengatasi Kelemahan	242
Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	245
BIBLIOGRAFI	247
 LAMPIRAN	
A Surat Menyurat	255
B Soalan-soalan Ujian Karangan 1 & 2	261
C Soal Selidik	267
D Contoh-contoh Kesalahan Tatabahasa	275
E Kekerapan Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	292
F Kekerapan Kesalahan Frasa Kumpulan Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Ujian Karangan 1 dan Karangan 2	297
G Kekerapan Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	302
BIODATA PENULIS	307

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Analisis Keputusan Bahasa Melayu Peperiksaan STPM 1991-1994	9
2 Analisis Keputusan Bahasa Melayu Peperiksaan STPM 1991-1994	10
3 Jumlah Kesalahan Tatabahasa Dalam Karangan 1 dan Karangan 2	80
4 Kesalahan Tatabahasa Secara Keseluruhan Menurut Jenisnya	80
5 Taburan Kesalahan Tatabahasa Secara Keseluruhan Menurut Jenis-jenis Kesalahan	91
6 Jumlah Kesalahan Tatabahasa dan Jenisnya Bagi Ujian Karangan 1	94
7 Jumlah Kesalahan Tatabahasa dan Jenisnya Bagi Ujian Karangan 2	95
8 Kedudukan Kesalahan Tatabahasa yang Dipuratakan Daripada Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	98
9 Jumlah Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Lelaki Dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	99
10 Jumlah Kesalahan Frasa Kumpulan Pelajar Lelaki Dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	100
11 Jumlah Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Lelaki Dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	101
12 Jumlah Kesalahan Kata Kumpulan Pelajar Perempuan Dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	102
13 Kesalahan Frasa Kumpulan Pelajar Perempuan Dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	103
14 Jumlah Kesalahan Ayat Kumpulan Pelajar Perempuan Dalam Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2	104
15 Keputusan Ujian -t bagi Kesalahan TB Berdasarkan Jantina	106

16	Keputusan Ujian -t bagi Kesalahan Kata Menurut Jantina	108
17	Perbandingan Kesalahan Kata Menurut Jantina	109
18	Keputusan Ujian -t bagi Kesalahan Frasa Berdasarkan Jantina	111
19	Perbandingan Kesalahan Frasa Menurut Jantina	112
20	Perbandingan Kesalahan Ayat Menurut Jantina	114
21	Keputusan Ujian -t bagi Kesalahan Ayat Berdasarkan Jantina	116
22	Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan Kumpulan SSE Tinggi, Sederhana dan Rendah	118
23	Jumlah Kesalahan Kata Kumpulan SSE Lelaki	119
24	Jumlah Kesalahan Frasa Kumpulan SSE Lelaki	120
25	Jumlah Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Lelaki	121
26	Jumlah Kesalahan Kata Kumpulan SSE Perempuan	122
27	Jumlah Kesalahan Frasa Kumpulan SSE Perempuan	123
28	Jumlah Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Perempuan	124
29	Keputusan Anova Terhadap Kesalahan Kata Kumpulan SSE Di Kalangan Sampel	127
30	Keputusan Anova Terhadap Kesalahan Frasa Mengikut Kumpulan SSE Di Kalangan Sampel	129
31	Keputusan Anova Terhadap Kesalahan Ayat Kumpulan SSE Di Kalangan Sampel	131
32	Jumlah Kesalahan Tatabahasa Menurut SSE	133
33	Keputusan Anova Terhadap Kesalahan TB Mengikut Kumpulan SSE	133
34	Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan Mengikut Kumpulan PBM Tinggi, Sederhana dan Rendah	136
35	Jumlah Kesalahan Kata Mengikut Kumpulan PBM Di Kalangan Pelajar Lelaki	137
36	Jumlah Kesalahan Frasa Pelajar Lelaki Kumpulan PBM	139

37	Jumlah Kesalahan Ayat Pelajar Lelaki Kumpulan PBM	141
38	Jumlah Kesalahan Kata Pelajar Perempuan Kumpulan PBM	143
39	Kesalahan Frasa Pelajar Perempuan Kumpulan PBM	144
40	Kesalahan Ayat Pelajar Perempuan Kumpulan PBM	147
41	Taburan Min Kesalahan TB Kumpulan PBM Lelaki dan Kumpulan PBM Perempuan	148
42	Keputusan Anova Terhadap Kesalahan TB Mengikut Kumpulan PBM	150
43	Masa Pemelajaran BM Satu Minggu Dalam Kelas Tuisyen	158

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
--------------	----------------

1 Kerangka Teoritis Kajian	44
---------------------------------	----

SENARAI SINGKATAN

A1	-	Kesalahan Struktur Ayat Tunggal
A2	-	Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Gabungan
A3	-	Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Relatif
A4	-	Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Komplemen
A5	-	Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Keterangan
A6	-	Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Campuran
A7	-	Kesalahan Struktur Ayat Aktif
A8	-	Kesalahan Struktur Ayat Pasif
A9	-	Kesalahan Struktur Ayat Saduran
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
F1	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Nama
F2	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Kerja
F3	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Adjektif
F4	-	Kesalahan Penggunaan Frasa Sendi Nama
K1	-	Kesalahan Penggunaan Imbuhan
K2	-	Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Diri
K3	-	Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Tunjuk
K4	-	Kesalahan Penggunaan Kata Depan/Sendi Nama
K5	-	Kesalahan Penggunaan Kata Tugas
K6	-	Kesalahan Penggunaan Kata Ganda
K7	-	Kesalahan Penggunaan Kata Asing
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBM	-	Pencapaian Bahasa Melayu
SMKGS	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Gombak Setia
SMKTD	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datuk
SMM	-	Sekolah Menengah Maxwell
SMTS	-	Sekolah Menengah Tinggi Setapak
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SSE	-	Status Sosioekonomi
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TB	-	Tatabahasa

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat
Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains**

**ANALISIS KESALAHAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR-
PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SEKOLAH MENENGAH:
SATU KAJIAN KES**

Oleh

AHMAD SHAHRIL BIN RAJAIN

JUN 1996

Pengerusi : Prof. Abdul Hamid Mahmood, Ph. D

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat tentang pencapaian Bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam di Sekolah Menengah Maxwell, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Tinggi Setapak, Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Datuk, Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan dan Sekolah Menengah Gombak Setia, Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam dan berjumlah 160 orang. Mereka merupakan pelajar tingkatan enam rendah pada tahun 1994. Dalam proses pembelajaran secara formal, pengkaji melakukan analisis data melalui kesalahan tatabahasa terhadap karangan para pelajar. Dalam proses pembelajaran secara tidak formal pengkaji melakukan tinjauan berdasarkan soal selidik.

Dapatan telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar melakukan kesalahan tatabahasa iaitu aspek perkataan, frasa dan ayat. Kumpulan sampel lelaki didapati melakukan kesalahan yang lebih besar jumlahnya daripada kumpulan sampel perempuan. Selain itu, kumpulan status sosioekonomi rendah didapati lebih banyak melakukan kesalahan jika dibandingkan dengan kumpulan status sosioekonomi sederhana dan tinggi. Seterusnya dapatan membuktikan bahawa kesalahan aspek perkataan yang paling banyak dilakukan oleh para pelajar yang menjadi sampel kajian ini. Ini diikuti oleh kesalahan aspek frasa dan ayat.

Sementara itu, dapatan daripada soal selidik menunjukkan bahawa para pelajar yang kurang melakukan latihan aspek-aspek tatabahasa didapati mempunyai pencapaian yang lemah dalam aspek-aspek tersebut.

Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah para guru harus didedahkan dengan rumus-rumus tatabahasa secara terancang dalam sistem pengajaran dan pembelajaran serta huraiian aspek-aspek tatabahasa dalam sukanan pelajaran. Guru-guru juga mestilah mempraktikkan hukum-hukum tatabahasa yang baku dalam pengajarannya. Selain itu, penyeragaman tentang hukum-hukum yang bertanggungjawab harus sentiasa membuat kajian dan penyelidikan tentang bahasa. Seterusnya, pelajar-pelajar digalakkan memanfaatkan latihan menulis karangan pelbagai bentuk di peringkat tingkatan enam.

**Abstract of thesis submitted to the Senate of
Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the
requirement for the degree of Master of Science**

**ERROR ANALYSIS IN THE MALAY
LANGUAGE AMONG FORM SIX
STUDENTS: A CASE STUDY**

By

AHMAD SHAHRIL BIN RAJAIN

JUNE 1996

Chairman : Prof. Abdul Hamid Mahmood, Ph. D.

Faculty . Faculty of Education Studies

The aim of this study was to look into the levels of achievement of grammar in the Malay language among the students in SM Maxwell, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, SM Tinggi Setapak, Kuala Lumpur, SMK Teluk Datuk, Banting, Kuala Langat and SMK Gombak Setia, Gombak, Selangor Darul Ehsan.

The respondents of this study comprised of 160 form six students who studied in lower six in 1994. The research was carried out by analysing the data in written compositions during formal class teachings. Questionnaires were also administered to the students.

The findings of this study showed that students made errors in words, phrases and sentences. The male respondents committed more errors in grammar than the female respondents. The respondents from the lower socio-economic status made more

numerous errors as compared to those from the medium and high socio-economic groups. The research showed that most errors were committed in words than in phrases or sentences.

The findings also showed that the students who did less grammar exercises made more mistakes in this aspect. Among the suggestions that can be included is to infuse grammatical principles systematically in the teaching and learning process. Teachers should also practise the grammatical rules in their teaching. The standardization of the grammatical rules should be implemented by the higher educational institutions and the Curriculum Development Centre. Furthermore the form six students are encouraged to use various essay writing styles in their lessons.

It is hoped that the recommendations put forward could reduce the number of grammatical errors committed by the students and hence improve their achievement levels in grammatical skills in the Malay language. Furthermore this study could become a reference to those doing a study on this topic.

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang

← Kedudukan Bahasa Melayu (seterusnya BM) sebagai bahasa Kebangsaan di Malaysia telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 (1), iaitu satu ketepatan yang menyebut “bahasa Kebangsaan bagi negeri Malaysia ialah bahasa Melayu”. Berasaskan ketepatan itulah maka kerajaan Malaysia telah merancang dan melaksanakan satu dasar pendidikan yang mengarah kepada penggunaan BM di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang keturunan, melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut di sekolah-sekolah.

Dalam melaksanakan program BM sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, semua sekolah menengah di negara ini menggunakan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk sekolah menengah. Tingkatan enam pula mempunyai Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang dirancang khusus untuk tujuan “... membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar pada peringkat menengah tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa untuk kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan.” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989:1)

Walaupun penggunaan BM sudah begitu meluas di dalam dan di luar bilik darjah, tetapi kenyataan rasmi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, menunjukkan berlakunya unsur-unsur kesalahan penggunaan BM di kalangan pelajar Melayu yang mengambil peperiksaan S.P.M. bagi dua tahun berturut-turut, iaitu tahun 1991 dan 1992. Unsur-unsur kesalahan tersebut dapat dikaitkan dengan kemerosotan peratusan pencapaian mereka dalam mata pelajaran BM peperiksaan S.P.M. (Jabatan Pendidikan Negeri, Wilayah Persekutuan [JPN W.P] 1993).

Masalah kesalahan penggunaan BM di kalangan pelajar pada peringkat sekolah menengah sangat ketara. Pada tempoh awal 1990-an, Majlis Peperiksaan Malaysia melaporkan bahawa pencapaian BM pada tahap cemerlang dan kepujian merosot setiap tahun. Prestasi calon dalam mata pelajaran BM peperiksaan STPM merosot sebanyak 4.4% pada tahun 1990 jika dibandingkan dengan prestasi pada tahun sebelumnya. Bagi tahun 1991 dan 1992 pula didapati calon yang mendapat gred B merosot 1.67 dan gred E merosot sebanyak 4.63% (Ibid : 1993). Laporan ini mengesahkan wujudnya kelemahan pelajar menguasai BM di peringkat STPM.

Kemerosotan prestasi BM pelajar sekolah menengah telah menimbulkan kesedaran di kalangan para pengkaji untuk membuat ujian dan penganalisisan terhadap kesalahan-kesalahan bahasa pelajar. Kajian yang dibuat oleh Abdul Hamid Mahmood (1993:v) terhadap pelajar sekolah menengah menunjukkan bahasa mereka melakukan kesalahan penggunaan BM melalui kesalahan imbuhan, frasa, klausa dan ayat.

Fenomena kemerosotan prestasi pelajar sekolah menengah telah menimbulkan kesedaran di kalangan para pengkaji yang membuat kajian dan penganalisisan terhadap kesalahan bahasa pelajar. Batasan kajian bukan sahaja dibuat kepada pelajar sekolah, malah pelajar di institut pengajian tinggi seperti maktab dan universiti.

Penguasaan bahasa bererti keupayaan seseorang menguasai aspek seperti aspek sebutan, ejaan, istilah, kosa kata, dan tatabahasa. Apabila dilihat dalam konteks pelajar-pelajar di sekolah, didapati sebilangan besar pelajar menghadapi pelbagai masalah dalam menguasai BM. Berhubung dengan hal ini, kajian telah dilakukan ke atas (i) pelajar yang mengambil peperiksaan STPM dan (ii) pelajar kelas persediaan (matrikulasi). Daripada skrip-skrip jawapan dan ujian lisan yang didapati daripada pelajar-pelajar tersebut, telah dikenal pasti beberapa masalah ketatabahasaan yang dihadapi oleh mereka dalam penguasaan BM (Abdul Hamid Mahmood, 1993:104).

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kesalahan atau kesalahan bahasa. Kesalahan bahasa tidak hanya berlaku semasa seseorang itu bertutur, bahkan berlaku juga semasa seseorang itu menulis. Menurut Lutfi Abas (1987:169) kesalahan bahasa terjadi kerana faktor-faktor kejahilan, falsafah bahasa, gangguan psikologi, budaya bahasa, takrif nahu, teori himpunan, pengaruh dialek, dan pengaruh bahasa asing. Berhubung dengan perkara ini, satu kajian telah dilakukan oleh Chen (1972:41-64), Azman Wan Chik, (1979:209-211), Mashudi Kader, Darwish Harahap (1979:59), Mangantar Simanjuntak (1980:16) untuk mengenal pasti punca dan sebab-sebab pelajar-pelajar tidak dapat menguasai BM dengan baik. Hal

ini mengakibatkan pencapaian prestasi yang rendah dalam peperiksaan. Antara faktor-faktor yang menyebabkan permasalahan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Kekurangan guru BM;
- (ii) Beban tugas guru BM adalah berat;
- (iii) Tidak terdapat aspek tatabahasa dalam Sukatan Pelajaran BM tingkatan enam;
- (iv) Ketidaksesuaian kaedah pengajaran BM;
- (v) Tradisi menggunakan buku teks;
- (vi) Kekurangan ahli bahasa di Bahagian Buku Teks;
- (vii) Akibat penggunaan soalan ujian objektif;
- (viii) Kelemahan tatabahasa bermula dari peringkat umur;
- (ix) Anggapan BM mudah;
- (x) Tidak ada model bahasa lisan baku;
- (xi) Pengaruh media massa; dan pengaruh
- (xii) Guru-guru sains dan matematik mengajar BM.

(Abdul Hamid Mahmood, 1993:113-116)

Di samping itu, faktor-faktor kemahiran bahasa yang terbatas yang merupakan salah satu sebab seseorang itu melakukan kesalahan bahasa. daripada aspek ejaan, imbuhan, penggunaan kata dan sebagainya. Menurut Scherer dan Wertheimer (1964), pembahagian kemahiran bahasa kepada mendengar, bertutur, membaca, dan menulis menyenangkan pihak guru membuat analisis kesalahan bahasa. Atan Long (1978:285-308), Nik Safiah Karim (1980:71-74), Lutfi Abas (1982:2), Asraf (1988:50-55) menyatakan bahawa perbezaan umur dan perbezaan latar belakang kehidupan seseorang

kanak-kanak akan mempengaruhi tingkat penguasaan perbendaharaan kata mereka.

Kebanyakan kesalahan bahasa ini berpunca daripada:

- (a) Gangguan bahasa ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa daerah, bahasa pasar;
- (b) Kekeliruan yang berpunca daripada ketidakseragaman dan faktor-faktor tidak rasional yang wujud dalam bahasa sasaran;
- (c) Kekeliruan berpunca daripada kecuaian dan kurang pengetahuan tentang bentuk perkataan, imbuhan yang betul berasaskan perbezaan antara penyebutan dan visualisasi/penglihatan.
- (d) Kurang kebolehan dan keupayaan untuk menyatakan sesuatu sehingga pelajar terpaksa menggunakan BI untuk melahirkan fikiran dengan lebih efektif. Kekurangan ini boleh jadi berasaskan kekurangan pengalaman mereka dalam subjek perbincangan, atau tidak memahami makna dan konsep yang mungkin berpunca daripada kekurangan pengalaman kebudayaan.
- (f) Kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak berkesan.

(Azman Wan Chik, 1989:211)

Pernyataan Masalah

Kajian terhadap kesalahan tatabahasa di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan ini dilakukan oleh pengkaji kerana telah timbul beberapa faktor yang boleh menyebabkan penguasaan BM yang lemah di kalangan pelajar sekolah menengah.

Keputusan bagi mata pelajaran BM dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan didapati tidak begitu membaänggakan. Laporan keputusan peperiksaan STPM yang dibuat oleh Majlis Peperiksaan Malaysia bagi tahun 1989 dan 1990 yang dikeluarkan oleh JPN/WP 1993 menunjukkan bahawa kemerosotan pencapaian calon-calon masih berlaku. Bagi calon-calon yang lulus penuh pangkat B didapati keputusannya telah merosot. Calon-calon yang lulus penuh pangkat E pula didapati merosot sebanyak 4.63 peratus pada tahun 1993 jika dibandingkan pada tahun sebelumnya. Masalah kelemahan pencapaian pelajar ini sebenarnya bukan sahaja berlaku pada akhir tahun ini sahaja, malahan berterusan sehingga sekarang. Punca kemerosotan pencapaian calon-calon STPM bagi mata pelajaran BM dalam peperiksaan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kelemahan tatabahasa di kalangan mereka.

Kenyataan di atas tentang prestasi BM di kalangan pelajar STPM masih lemah. Turut ditegaskan oleh hasil kajian yang dilakukan oleh Awang Mohammad Amin (1982:118-128), Azman Wan Chik (1987:227), Muhammed Sallehuddin bin Aman, (1992:210-214) yang menyatakan bahawa terdapat kelemahan pencapaian para pelajar dalam beberapa aspek tatabahasa.

Kajian Awang Mohammad Amin (1982:118-128) mendapati bahawa jumlah kekerapan kesalahan ayat dan jenis-jenisnya bagi seluruh sampel ialah 935 dengan purata setiap pelajar ialah 7.8%. Sementara kajian Muhammed Sallehuddin bin Aman mendapati bahawa jumlah kesalahan perkataan yang dilakukan oleh seluruh sampel ialah 81% daripada 2,402 kesalahan. Kajian Azman Wan Chik (1989:227) pula mendapati

bahawa 56.87% kesalahan jenis ejaan dilakukan oleh pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kerap melakukan kesalahan dalam penulisan karangan.

Daripada kajian Hamdan Abdul Rahman (1980:35-48) didapati bahawa pelajar-pelajar di semua sekolah ada melakukan kesalahan-kesalahan penggunaan BM sama ada secara lisan atau tulisan. Nik Safiah Karim (1980:9-21) telah menamakan masalah kesalahan umum penggunaan BM, khususnya di kalangan para pelajar sebagai masalah ‘pencemaran bahasa’. Hal ini perlu dibersihkan melalui perancangan pengajaran pembelajaran yang lebih berkesan. Kajian Ahmad Shahril bin Rajain (1985:36-41) juga menunjukkan bahawa sebanyak 80% murid tahun enam di sekolah rendah di bandar Klang melakukan kesalahan penggunaan BM melalui ujian tatabahasa.

Kemerosotan Prestasi BM di Sekolah-sekolah yang dikaji

Kemerosotan prestasi BM di peringkat kebangsaan, berkaitan juga dengan kemerosotan BM di sekolah yang dikaji kerana keputusan pencapaian BM di sekolah tersebut, sedikit sebanyak, mempengaruhi keputusan pencapaian BM di peringkat kebangsaan. Analisis prestasi BM di keempat-empat buah sekolah yang dikaji ini ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2.

Daripada Jadual 1, peratus kelulusan BM peringkat STPM di SMK Teluk Datuk (SMKTD), pada tahun 1994 telah merosot sebanyak 0.6% daripada tahun 1993. Pada tahun 1993 telah merosot sebanyak 21.4% daripada tahun sebelumnya 1992 (86.7%-65.3%). Walaupun peratus pelajar yang mendapat pangkat cemerlang, iaitu 26.4%, yakni peningkatan sebanyak 12.5% daripada tahun 1992 namun keseluruhannya jelas

memperlihatkan kemerosotan prestasi BM. Di SMK Gombak Setia (SMKGS) pula walaupun penambahan bilangan calon meningkat daripada 93 kepada 99 calon tetapi peratus kelulusan merosot daripada 45.2% kepada 44.4%, iaitu sebanyak 0.8%.

Analisis prestasi BM bagi sekolah di SM Mexwell (SMM) menunjukkan peningkatan jumlah calon merosot daripada 109 pada tahun 1991 menjadi 20 orang sahaja pada tahun 1993. Prestasi calon pula meningkat sebanyak 16.6% pada tahun 1993 daripada 75% menjadi 92.6% tetapi merosot pada tahun 1994 sebanyak 14.5%. Tahap pencapaian kelulusan BM peringkat STPM di SM Tinggi Setapak (SMTS) merosot daripada 61.6% pada tahun 1992 menjadi 13.2% pada tahun 1993 merosot sebanyak 48.4%.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kelemahan-kelemahan para pelajar tertumpu kepada aspek-aspek ejaan penggunaan tanda bacaan, penggunaan perkataan, frasa dan ayat.

Kesalahan-kesalahan pelajar memaparkan masalah kesalahan bahasa dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa, oleh yang demikian, pengkaji berpendapat satu penyelidikan perlu dibuat memandangkan kesalahan-kesalahan ini sentiasa dan masih berlaku dan belum diatasi. Pengkaji berhasrat untuk melihat keadaan sebenar prestasi pelajar dalam mata pelajaran BM. Kajian ini dijalankan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam di dua buah sekolah di negeri Selangor Darul Ehsan dan dua buah sekolah di Wilayah Persekutuan.